



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PENDEKATAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
TERHADAP SKOR PENULISAN KARANGAN MURID**

NORLIZA BINTI ABDULLAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pemahaman guru terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran Bahasa Melayu dan kesan pendekatan KBAT terhadap skor penulisan karangan murid. Pendekatan kuantitatif melalui kaedah kuasi eksperimen digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan di dalam dua fasa. Fasa satu dijalankan untuk mengkaji tahap pemahaman guru dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen, manakala ujian pra dan ujian pasca pula dijalankan dalam fasa kedua untuk melihat kesan pendekatan KBAT dengan membandingkan tahap pencapaian penulisan karangan murid. Ujian pra dan ujian pasca ditadbirkan terhadap kedua-dua kumpulan murid, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan rawatan diajar melalui pendekatan KBAT dan peta pemikiran, manakala kumpulan kawalan diajar berdasarkan pendekatan tradisional. Bagi mendapatkan data kesan pelaksanaan pendekatan KBAT terhadap skor penulisan karangan murid, analisis ujian t terhadap perbezaan skor pencapaian karangan digunakan. Kajian yang dijalankan selama lapan minggu ini melibatkan 40 orang guru sebagai responden dan 65 orang murid dari empat buah sekolah di sekitar Zon Semenyih, Selangor. Responden murid mewakili 33 murid dari kumpulan eksperimen dan 32 murid dari kumpulan kawalan. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Dapatan kajian menunjukkan tahap pemahaman dan persepsi guru terhadap KBAT adalah tinggi (100%). Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa skor min bagi kedua-dua ujian dalam kumpulan kawalan tidak mempunyai perbezaan min yang signifikan ($t=2.31$). Dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan ($t=3.48$). Dapatan turut menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan rawatan ($t=3.78$). Kesimpulannya, dapatan menunjukkan pendekatan ini dapat meningkatkan aspek kualiti karangan murid, khususnya daripada aspek bilangan isi dan pengembangan idea. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan pendekatan KBAT dapat meningkatkan pencapaian murid dalam karangan Bahasa Melayu.





THE EFFECT OF HIGH-ORDER THINKING SKILL APPROACHES ON THE STUDENT WRITING SCORE

ABSTRACT

The purpose of this study is to examine the level of teachers' understanding on the implementation of Higher Order Thinking Skills (KBAT) in teaching Malay Language and the effectiveness of KBAT approaches through thinking map on the score of student's writing essay. The quantitative approach through the quasi-experimental method was used in this study. This study was conducted in two phase. Phase one was conducted to examine the level of teachers' understanding using questionnaire as an instrument, while pretest and post-test were conducted in the second phase to see the effect of KBAT approach by comparing the level of student writing achievement. Pretest and post-tests were implemented to both groups of such as, the control group and the treatment group. The treatment group is taught through the KBAT approach and thinking maps, while the control group is traditionally way. In order to obtain the effect of the implementation of the KBAT approach to student writing score, the analysis on the different scores of the achievement score was used. This study was implemented in eight week and involved 40 teachers as respondents and 65 students from four schools around Semenyih, Selangor. The respondents of the students represented 33 students from the experimental group and 32 students of the control group. The data were analyzed using descriptive and inferential statistics. The findings show that the understanding and perception of the teachers towards KBAT were good (100%). The findings show that the mean score of both tests in the control group has no significant mean different ($t=2.31$). The findings also found that there were significant mean differences in post-test for control and treatment groups ($t=3.48$). The findings also showed that there were significant mean differences in pre test and post test for treatment group ($t=3.78$). In conclusion, the findings show that this approach can improve the quality of the students' essay, especially from the aspect of content and the development of ideas. The implication of this study shows that teaching and learning using the KBAT approach is effectively used as it enhances student achievement in Malay language writing essay.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN

ii

PENGESAHAN

iii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xi

SENARAI RAJAH

xiii

SENARAI GAMBAR

xiv

SENARAI SINGKATAN

xiv

SENARAI LAMPIRAN

xvi



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Soalan Kajian	16
1.6	Hipotesis Kajian	16
1.7	Batasan Kajian	17
1.8	Kepentingan Kajian	18
1.9	Definisi Operasional	20
1.10	Kesimpulan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	29
2.3	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	31
2.4	Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	34
2.5	Pendekatan dan Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis	39
2.6	Kepentingan Kemahiran Berfikir	41
2.7	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP)	41
2.7.1	Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Kemahiran Menulis	

2.8	Kesesuaian dan Keberkesanan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kemahiran Menulis	44
2.9	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR)	45
2.10	Kerangka Konseptual	46
2.11	Kesimpulan	47

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	49
3.2	Reka Bentuk Kajian	50
3.3	Instrumen Kajian	53
3.4	Populasi dan Responden Kajian	62
3.5	Lokasi Kajian	65
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian	65
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	68
3.8	Kaedah Analisis Data	69
3.9	Kesahan dan kebolehppercayaan	70
3.10	Kesimpulan	73

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	74
4.2	Analisis Latar belakang Responden	75
4.3	Tahap Pelaksanaan KBAT oleh Responden dalam Pengajaran Penulisan Karangan di Bilik Darjah	80

4.4	Perbezaan Pencapaian Penulisan Karangan Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan	97
4.5	Perbezaan Pencapaian Penulisan Karangan Murid dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Rawatan	98
4.6	Perbezaan Penulisan Karangan Murid dalam Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	99
4.7	Kesimpulan	100

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	102
5.2	Rumusan Kajian	103
5.3	Perbincangan	108
5.4	Implikasi Kajian	115
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	117
5.7	Kesimpulan	118

RUJUKAN	119
----------------	-----

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual

Muka Surat

2.1	Kemahiran KBAT dalam KSSR	42
2.2	Kemahiran Menulis dalam KSSR	44
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	50
3.2	Pemetaan Soalan Kajian, Item, Soal Selidik dan Kandungan Item Soal Selidik	55
3.3	Penskoran Markah Karangan	57
3.4	Bilangan Populasi dan Sampel Kajian	62
3.5	Jumlah Subjek Kajian bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	64
3.6	Prosedur Pelaksanaan Kajian Fasa 1	66
3.7	Prosedur Pelaksanaan Kajian Fasa 2	67
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	76
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	77





4.3	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Guru	78
4.4	Taburan Responden Mengikut Tempoh Guru Mengajar	79
4.5	Taburan Peratus bagi Tahap Kefahaman Guru Terhadap Pelaksanaan KBAT di dalam Bilik Darjah	81
4.6	Tahap Persepsi Guru Terhadap Konsep dan Pelaksanaan KBAT	83
4.7	Tahap Pencapaian Keseluruhan Penulisan Karangan Murid dalam Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan	86
4.8	Perbandingan Min bagi Jumlah Isi Karangan bagi Kumpulan Rawatan dan Kawalan Dalam Ujian Pasca	88
4.9	Perbezaan Skor Purata Markah Karangan dalam Ujian Pra dan Pasca Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	92
4.10	Perbezaan Skor Purata Markah Karangan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	93
4.11	Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan	97
4.12	Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Rawatan	98
4.13	Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan atau Eksperimen	99





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

2.1	Kerangka Konseptual Kajian	47
3.1	Reka Bentuk Perbandingan antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan.	53
3.2	Prosedur Pengumpulan Data Soal Selidik	68





SENARAI GAMBAR

No. Gambar

Muka Surat

4.1	Contoh Penandaan Karangan Murid Kumpulan Rawatan Berdasarkan Aspek Isi Karanagan	89
4.2	Contoh Penandaan Karangan Murid Kumpulan Kawalan Berdasarkan Aspek Isi Karanagan	90
4.3	Contoh Penandaan Karangan Murid Kumpulan Rawatan Berdasarkan Aspek Pengembangan Idea	95
4.4	Contoh Penandaan Karangan Murid Kumpulan Rawatan Berdasarkan Aspek Pengembangan Idea	96





SENARAI SINGKATAN

KADAR	Kenal Ajar Demostrasi Aplikasi Refleksi
KB	Kemahiran Berfikir
KBAR	Kemahiran Berfikir Aras Rendah
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPPM	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KPPM	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
PAT	Peperiksaan Akhir Tahun
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Sciance
TIMMS	Trends in International Mathematics and Science Study
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah





SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Soal selidik
- B Rancangan Pelajaran Harian
- C Soalan Karangan
- D Statistik





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Komponen yang sangat penting dalam usaha untuk memajukan sesebuah bangsa dan negara adalah pendidikan. Sistem pendidikan yang baik akan menjamin kemajuan sesebuah negara kerana sistem ini memainkan peranan penting bagi mencapai matlamat yang diimpikan negara pada masa akan datang. Kualiti sesebuah negara dapat ditingkatkan dengan adanya sistem pendidikan yang baik dan terancang. Selaras dengan impian tersebut, sistem pendidikan negara terus mengalami perubahan mengikut keperluan semasa. Perubahan sistem pendidikan ini diharapkan dapat melahirkan setiap pelajar yang mampu berdaya saing di peringkat global. Justeru, unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu daripada aspirasi murid yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia





(PPPM) 2013-2025, iaitu murid berkemahiran menggunakan fikiran secara kritis, kreatif dan konstruktif telah diterapkan.

PPPM berhasrat mencapai lima keberhasilan bagi sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Selain keberhasilan sistem, pihak berkepentingan juga jelas tentang tahap kualiti yang perlu ada pada setiap individu murid dengan mempunyai enam ciri utama mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. (PPPM 2012, 5)

Adalah diharapkan, melalui proses pembelajaran di dalam bilik darjah, warganegara Malaysia akan mempunyai sikap bertanggungjawab, bersikap amanah dalam membuat penyelesaian secara kreatif dan berinovatif di luar kebiasaan suatu masa nanti.



pastinya ilmu, kemahiran dan nilai yang bersesuaian perlu dibekalkan kepada generasi rakyat Malaysia. Bersandarkan kepada harapan inilah, transformasi pendidikan yang dirancang dengan teliti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) diharap mampu dijadikan pemangkin kepada kemenjadian generasi cemerlang pada masa hadapan. Rakyat Malaysia perlu mempunyai kesedaran yang tinggi betapa kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis sangat penting diamalkan. Kesedaran ini wujud setelah berlakunya penurunan prestasi negara dalam keputusan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) dan PISA. Kemahiran berfikir adalah salah satu kemahiran yang ada pada setiap orang dan boleh dilaksanakan semasa pembelajaran serta merupakan pemangkin kepada tahap pencapaian yang lebih baik bagi setiap pelajar (Nessel & Graham, 2007).





Aktiviti mental atau mencari makna adalah merupakan salah satu proses berfikir. Proses ini sangat penting dalam pembelajaran yang menitikberatkan penggunaan kemahiran berfikir sebagai asas dalam pembelajaran (McGregor, 2007). Proses mengaplikasikan minda untuk mendapatkan penjelasan dan pemahaman tentang perkara-perkara tertentu contohnya perkara yang berkaitan dengan penerapan kemahiran berfikir dalam membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah telah menjadi perkara utama dalam pendidikan di Malaysia. Selain itu, kemahiran seperti mencari maklumat, mempelajari sesuatu cara untuk terus memperoleh pelbagai sumber ilmu pengetahuan tentang sesuatu perkara juga penting kepada setiap orang. Kemahiran ini membantu murid membuat tindakan dengan menggunakan pelbagai pengetahuan dan merupakan antara perkara yang perlu dilakukan oleh setiap murid. Dalam dunia teknologi yang berkembang pesat, kemahiran berfikir amat penting. Pelbagai kemahiran kognitif yang penting perlu dikuasai oleh murid. (Bab 2: Visi dan Aspirasi, Halaman 5, PPPM (2013-2015)).

Kini, menguasai, mengamalkan dan mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi bagi setiap murid sangat penting dalam merealisasikan impian dan menjadi harapan negara untuk melahirkan insan yang sempurna dan berkualiti selari dengan Falsafah Pendidikan Negara. Langkah untuk membina rupa bangsa yang mempunyai pemikiran aras tinggi melalui pendidikan yang diterima di sekolah telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Sejak sekolah bestari diperkenalkan, usaha yang berterusan untuk memastikan murid mempunyai pemikiran aras tinggi telah dijalankan. Inisiatif tersebut perlu diberikan lebih keutamaan untuk memastikan langkah-langkah ke arah penggunaan kemahiran berfikir yang lebih





efektif seterusnya membolehkan setiap murid terus bersaing antara satu sama lain di peringkat global yang mempunyai banyak cabaran sehingga kini.

Pada awal pengenalan aspek kemahiran berfikir, penguasaan kemahiran tersebut, iaitu berfikir secara kreatif dan kritis semasa pembelajaran lebih diberi tumpuan dan perhatian. Kini, apa yang diharapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terus menjadi keutamaan untuk dilaksanakan di dalam kelas bagi merealisasikan hasrat tersebut. Ini disebabkan oleh keperluan pendidikan semasa yang kompleks dan bersifat kompetitif. Untuk menangani cabaran baru, KBAT telah diaplikasikan dalam sistem pendidikan, iaitu menggerakkan potensi minda contohnya semasa pengajaran penulisan karangan.



Pendekatan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) perlu dilaksanakan semasa pembelajaran di dalam kelas. Adalah menjadi harapan dan impian semua pihak, agar murid dapat menterjemah, menganalisis, memahami dan menggunakan setiap maklumat dengan lebih baik semasa PdP. Melalui KBAT, murid perlu dan digalakkan mengalami sendiri proses berfikir secara heuristik. Heuristik bermaksud murid dibimbing untuk membuat penemuan sendiri bahan pembelajaran dan menggunakan konsep dalam latihan. Guru memainkan peranan yang penting dalam memilih dan menggunakan pendekatan dan kaedah serta teknik yang perlu dilaksanakan ketika mengajar dan mengaplikasi KBAT di dalam kelas.

Sistem pendidikan di Malaysia juga berperanan untuk merealisasikan Wawasan 2020. Dalam melahirkan rakyat yang hebat, sistem pendidikan bukan sahaja berperanan melahirkan rakyat yang mempunyai ilmu pengetahuan tetapi juga sentiasa





boleh menggunakan pemikiran yang kreatif dan kritis. Hasrat ini akan tercapai dan terlaksana jika pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas diubah selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan seorang insan yang memenuhi semua aspek seperti intelek, sosial, rohani dan jasmani. KBAT merupakan salah satu komponen yang menjadi keutamaan untuk diserapkan oleh guru kepada murid semasa PdP.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara eksplisit sangat penting dan merupakan suatu tuntutan semasa. Pendekatan KBAT perlu dijadikan amalan semasa PdP penulisan karangan di dalam kelas. Kalau dahulu, pendidik mengajar secara pendekatan lama, iaitu menggunakan kemahiran berfikir yang terhad kepada murid semasa mengajar penulisan karangan. Kaedah ini tidak akan dapat melahirkan generasi yang boleh menggunakan pemikiran dan bertindak dengan hebat dalam menyelesaikan masalah. Berbeza dengan pendekatan kini, iaitu pendekatan PdP dengan KBAT yang dapat melahirkan insan yang boleh mengaplikasi, mengkaji, mencerakinkan maklumat, memahami, mencari jawapan bagi persoalan terkini yang ditemui dengan melakukan pilihan dan membuat pertimbangan serta menggunakan pelbagai cara lain yang ada dalam membuat pilihan dan mencadangkan cara terbaik antara implikasi dibawa oleh perubahan ini.





Kalau sebelum ini kemahiran berfikir diajar secara implisit kepada semua murid. Kini, salah satu komponen dalam penggunaan teknik berfikir telah mula menjadi pilihan dan KBAT telah terdapat secara eksplisit dalam kurikulum sekolah (Resnic, 1987). Menurut Block 1990, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), akan menjadi pilihan utama berbanding dengan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) semasa PdP di dalam kelas. Kemampuan berbahasa dan berfikir seseorang itu dalam menghasilkan karangan yang baik saling berkait rapat. Perkaitan kedua-dua kemahiran ini jelas boleh dilihat dalam PdP yang bermakna dan berkesan. Menurut Rajendran 2000, keadaan kuantiti dan kualiti pemikiran murid boleh terus dipertingkatkan dan kesannya, murid dapat mengaplikasikan bahasa dengan lebih baik. Menurut Rajendran 2000 lagi, pemikiran yang sekejap atau sementara ini boleh ditukarkan kepada pegangan-pegangan yang tetap dengan penggunaan aspek-aspek bahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur dapat ditukar.



Keberkesanan PdP dapat direalisasikan jika aktiviti berfikir dengan mengembangkan minda murid dilaksanakan semasa PdP (KPM 2001). Menurut Sharifah Nor (2012), daya pemikiran inovatif dan daya pemikiran kreatif dan kritis menjadi tumpuan utama dalam inisiatif untuk membentuk murid yang seimbang seterusnya berupaya menangani dan menghadapi halangan serta cabaran yang mendatang.

Perkembangan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, globalisasi, dan liberalisasi yang sentiasa berubah mengakibatkan Sukatan Pelajaran telah dibuat semakan semula. Ilmu dan kemahiran yang harus dan perlu dimiliki atau ada dalam kalangan rakyat Malaysia telah digariskan dalam Rancangan Rangka Jangka Panjang





3 (RRJP3) yang dibentangkan di parlimen pada April 2001 telah dinyatakan secara terang-terangan. Kurikulum sekolah dikaji semula di peringkat rendah dan menengah untuk memupuk dan menjadikan aktiviti berfikir serta menjana perkara baharu dan reka bentuk serta berusaha sendiri tanpa bantuan orang lain dalam kalangan murid ditambah. Antara penjelasan dalam RRJP3 ialah:

Peralihan ekonomi akan meningkatkan permintaan terhadap kemahiran dan kepakaran teknologi serta tenaga buruh yang dilengkapi dengan pengetahuan tacit dan kemahiran berfikir yang tinggi (m.s 156).. Kurikulum sekolah akan dikaji dan disemak semula untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar khususnya di peringkat rendah dan menengah (Rangka Rancangan Jangka Panjang 3, 2001, 168)

KPM telah memperkenalkan langkah menggunakan aktiviti berfikir secara kreatif dan kritis semasa belajar di bilik darjah pada tahun 1993 melalui Reformasi Pendidikan. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) menyatakan dengan tegas bahawa kemahiran berfikir merupakan satu keupayaan seseorang dan bukan kemampuan semula jadi (KPPM, 1990). Perkara ini jelas menggambarkan bahawa perspektif terkini mengenai aktiviti berfikir yang melibatkan pemikiran aras tinggi telah wujud dan pelaksanaan KBAT ini boleh diperluaskan semasa PdP dalam kelas. Semasa guru mengajar aspek yang berkaitan penggunaan perkembangan mental, iaitu pertumbuhan minda menggalakkan guru untuk memberi perhatian yang lebih supaya amalan pendidikan yang terdapat di negara ini berupaya menghasilkan masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan seterusnya dapat mengaplikasikan amalan berfikir yang menghasilkan pandangan yang lebih kreatif, kritis dan inovatif terhadap sistem pendidikan dan hala tuju masa depan negara adalah antara perkara yang pernah dianjurkan oleh KPPM.





Antara kepentingan aktiviti berfikir kepada manusia adalah penggunaan pemikiran dapat memberi bantuan kepada kita dalam menjadikan perkara yang rumit diselesaikan dengan baik. Namun begitu, idea ini hanya dapat dihasilkan melalui amalan menggunakan fikiran secara optimum. Kemahiran berfikir yang melibatkan aktiviti menjawab persoalan, mencerakinkan maklumat, mengaplikasi dan membuat pertimbangan merupakan aktiviti yang digunakan untuk memproses maklumat. Penghasilan sesuatu idea yang baik memerlukan pemikiran yang kompleks iaitu Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Aktiviti yang menggunakan KBAT dapat menghasilkan idea baru yang kreatif dan berkesan. Ini menunjukkan KBAT adalah elemen dan unsur yang penting bagi membentuk pencetusan sesuatu pandangan.



Penerapan penggunaan aktiviti berfikir khususnya pada tahap yang tinggi amat penting untuk diintegrasikan dan digunakan dalam pembelajaran. Pemikiran aras tinggi ini amat menggalakkan murid agar menganalisis, memberi makna atau menggunakan setiap maklumat yang diperoleh (Newmann, 1990). Penggunaan pengetahuan sedia ada membantu untuk menghasilkan saranan yang logik dan kreatif. Proses menggunakan pemikiran aras tinggi ini menjadikan seseorang akan menggunakan perkara baharu atau ilmu dan pengalaman yang sedia ada juga pengetahuan dan menggunakan perkara tersebut untuk mendapat jawapan yang relevan pada masa depan (Lewis & Smith, 1993).

Sewaktu pelancaran Program Gerak Gempur Minda 1997, KPM telah meluahkan rasa tidak puas hati kerana kemampuan untuk melahirkan murid yang dapat menggunakan aktiviti berfikir secara lebih kreatif dan kritis masih tidak berjaya dan kurang berkesan. Menurut Noor Azmah 1997, sebanyak lebih kurang 95% aktiviti





PdP yang dijalankan di institusi pendidikan sekarang bertumpukan kepada guru dan lebih kurang 5% sahaja yang melibatkan interaksi antara pelajar. Hal ini disokong oleh Rafie Hj Mustapha 1995 yang menyatakan bahawa pengajaran guru masa kini tidak memberikan tumpuan kepada kemahiran berfikir tetapi sekadar menyampaikan maklumat atau memindahkan maklumat dari sumber pengajaran seperti buku teks kepada pelajar.

Kemahiran berfikir masih sedikit dilaksanakan semasa aktiviti mengajar di dalam bilik darjah dan proses pengajaran lebih bertumpukan guru (Rafie, 1995 dan Noor Azmah, 1997). Oleh hal demikian, kemahiran berfikir sering diabaikan semasa proses pengajaran dalam Bahasa Melayu juga meliputi sebahagian besar subjek yang lain.



1.3 Pernyataan Masalah.

Menulis karangan merupakan perkara yang memerlukan pengetahuan dan pengalaman luas bagi pelajar sekolah. Broto (1974) menyatakan betapa pentingnya kemahiran menulis karangan kepada pelajar-pelajar. Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sangat penting dan sepatutnya menjadi keutamaan semasa PdP terutamanya penulisan karangan untuk membantu murid menggunakan kemahiran berfikir seterusnya menghasilkan karangan yang baik.





Hasil kajian PISA dan TIMSS menunjukkan pemikiran rakyat Malaysia masih berada pada kedudukan yang kurang memuaskan berbanding dengan kedudukan negara-negara lain di dunia. Usaha untuk menempatkan negara kita Malaysia dalam kumpulan sepertiga teratas dalam pentaksiran di peringkat antarabangsa seperti TIMSS dan PISA dalam jangka masa yang ditetapkan sepertimana hasrat PPPM perlu dilakukan secara tuntas, bersepadu, berterusan dan pengamalan intergriti yang tinggi. Murid-murid yang akan menghadapi persekitaran global perlu membuat persediaan setelah mereka melepasi alam persekolahan. Keadaan ini antara sebab satu kajian semula telah dilakukan terhadap kurikulum dengan memasukkan beberapa unsur seperti aktiviti berfikir agar kurikulum dalam sistem pendidikan semakin baik dan bersesuaian dengan keadaan semasa. Penggunaan KBAT semasa PdP adalah salah satu nilai tambah dalam KSSR dan KSSM.



Selaras dengan itu, penambahbaikan ini telah diberi penekanan lebih terhadap penggunaan aktiviti berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, telah menzahirkan enam aspirasi dan salah satunya ialah kemahiran berfikir supaya setiap pelajar mampu bersaing di peringkat global (KPM, 2014). Kemahiran berfikir yang ditekankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah KBAT, iaitu aktiviti berfikir aras tinggi. Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan lagi perkembangan minda, intelek, sosial, rohani dan jasmani murid melalaui aktiviti berfikir dan merupakan salah satu perkara penting dalam sistem pendidikan. Aspek kemahiran berfikir telah dimasukkan sebagai unsur eksplisit dan implisit ke dalam kurikulum dan wajib diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.





Kajian oleh Abdul Syukor (2000), sistem pendidikan negara kini bukan sahaja untuk melahirkan para pelajar yang mampu untuk berfikir bagi bersaing dan menghadapi perubahan yang kompleks dalam abad ke-21, malah untuk melahirkan para pelajar yang berjaya dalam kurikulum. Selain itu, pendidikan bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang mampu menjana cara pemikiran peringkat tinggi, beretika tinggi dan bijaksana serta berilmu pengetahuan luas.

Pelajar sebegini akan dapat direalisasikan melalui penerapan pembelajaran yang menggunakan strategi metakognitif yang dilihat mampu meningkatkan kesedaran pelajar tentang proses berfikir dan pembelajaran yang berlaku (Abdul Raof & Sharifah Nor 2000). Dasar Pendidikan Kebangsaan yang terdapat dalam Akta Pendidikan 1996 adalah selaras dengan hal ini.



Pelaksanaan KBAT juga adalah untuk memenuhi matlamat pendidikan negara dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2012), iaitu mahu melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi. Demikian juga dalam perkara yang lain seperti cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan mampu menghubungkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan yang lain. Selain itu, perkara tersebut penting khususnya dalam pasaran ekonomi yang berasaskan pengetahuan tinggi dan sentiasa mencabar.

Namun demikian, beberapa kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik dalam bidang ini (Rafiei Mustafa, 1998; Rajendran N. S, 2008; dan Sharifah Nor, Nor Adibah, Mohd Mahzan dan Aliza, 2012) menyatakan golongan pendidik sedar akan kepentingan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran, tetapi mereka kurang

